

20/03/2002

Mara taja lebih ramai pelajar ke Jerman

MUNICH, Selasa - Mara akan menaja lebih ramai pelajar ke Jerman pada masa depan untuk mengikuti pengajian dalam bidang teknikal dan kejuruteraan, kata Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Nazri Aziz.

Beliau berkata, Jerman bukan saja memiliki teknologi kejuruteraan terkini dan canggih, malah kos penghantaran pelajar ke negara itu juga lebih rendah kerana institusi pengajian tingginya tidak mengenakan yuran pengajian.

Nazri berkata, setakat ini cuma 150 pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran di Jerman atas pembiayaan sendiri atau agensi kerajaan lain, sedangkan kedua-dua negara mempunyai hubungan kuat dalam bidang ekonomi dan teknikal.

"Pelajar Malaysia seharusnya digalakkan belajar di Jerman kerana negara ini lebih maju dalam bidang teknologi termasuk teknologi maklumat dan komunikasi," katanya kepada pemberita selepas menandatangani memorandum persefahaman (Mou) dengan Kementerian Sains, Penyelidikan dan Kesenian Bavaria di sini, petang semalam.

Menteri berkenaan, Hans Zehetmair, mewakili kementeriannya menandatangani MoU itu yang turut disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sebelum itu mengadakan perjumpaan dengan pelajar dan rakyat Malaysia di Jerman sempena lawatan rasmi tiga hari ke negara ini bermula semalam.

Turut hadir, Ketua Pengarah Mara, Datuk Mohd Mydin Mohd Sheriff.

Terdahulu, dalam ucapannya pada majlis itu, Nazri berkata, kumpulan pertama 45 pelajar tajaan Mara akan berlepas ke Jerman September tahun depan selepas menjalani program persediaan selama dua tahun di Institut Jerman-Malaysia di Kuala Lumpur.

Beliau berkata, kumpulan kedua seramai 45 pelajar pula baru mengikuti kursus persediaan di institusi itu, kebanyakannya lulusan Sijil Pelajaran Malaysia yang mendapat keputusan cemerlang.

Sementara itu, Mohd Mydin berkata, pelajar di institusi dan pusat latihan Mara yang cemerlang, juga diberi peluang menyertai program berkenaan.

Setakat ini, katanya, Mara mengenal pasti lima universiti dan institusi teknikal di Bavaria yang sedia menerima pelajar terbabit.

(END)